

Headline	Malaysia pembekal bakat perbankan Islam 2020		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	17	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,091
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,273



Malaysia pembekal bakat perbankan Islam 2020

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Penubuhan petugas khas kurikulum dan pembangunan bakat dalam pendidikan kewangan Islam membolehkan Malaysia muncul sebagai pembekal modal insan industri perbankan dan kewangan Islam global menjelang tahun 2020.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, penubuhan kurikulum dan latihan petugas khas itu merupakan Projek Permulaan Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) EPP7

dalam kluster kewangan dan perbankan Islam.

"Malaysia mahu menjadi pembekal kepada bakat-bakat dalam industri ini termasuk dalam dan luar negara," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan kurikulum dan latihan petugas khas dalam pengajian kewangan Islam institusi pengajian tinggi di sini hari ini.

Berdasarkan Indeks Prestasi Utama, IPT yang terlibat perlu mengeluarkan 55,000 bakat dalam industri berkenaan.

Katanya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan menerajui peranan dalam pendidikan NKEA EPP7 bersama-sama Bank Negara Malaysia.

Selain UIAM, IPT lain yang terlibat ialah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Universiti Insaniah (Kuin) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).